# Syngenta Corporation Sdn Bhd & Syngenta Crop Protection Sdn Bhd
# Terma dan Syarat Piawaian Pembelian

## Pematuhan: Panduan untuk pihak ketiga

Syngenta komited untuk menjalankan perniagaan dengan etika piawaian dan integriti yang tinggi. Penjual dengan ini mengesahkan telah menerima, membaca dan memahami segala Terma dan Syarat yang terkandung dalam "Pematuhan: Panduan untuk pihak ketiga" ini. Versi penuh boleh di akses melalui (http://www.compliance.syngenta.com).

## 1. Tafsiran dan Takrif

1.1 Dalam Syarat ini:

'PEMBELI' bermaksud entiti Syngenta yang diwakili oleh wakil yang sah

'SYARAT' bermaksud terma dan syarat piawaian pembelian yang dinyatakan dalam dokumen ini dan (melainkan konteks itu memerlukan sebaliknya) termasuk sebarang terma dan syarat khas yang dinyatakan dalam Pesanan tersebut dan sebarang Spesifikasi atau Tulisan yang berkenaan menurut Fasal 3.1 (ii) dan (iii)

'KONTRAK' bermaksud setiap Pesanan bersama dengan Syarat ini

'ALAMAT PENGHANTARAN' bermaksud alamat yang dinyatakan dalam Pesanan tersebut

'BARANG' bermaksud barang (jika ada, termasuk sebarang pemasangan barang atau sebahagian daripadanya) yang diterangkan dalam Pesanan tersebut

'PESANAN' bermaksud pesanan belian Pembeli yang merujuk dan tertakluk pada Syarat ini dan sebarang pesanan termasuk penghantaran Barang dan/atau perlaksanaan Perkhidmatan dalam beberapa ansuran atau fasa akan dianggap sebagai satu pesanan

'HARGA' bermaksud nilai Barang dan/atau caj bagi Perkhidmatan tersebut

'PENJUAL' bermaksud orang yang dinyatakan dalam Pesanan

'PERKHIDMATAN' bermaksud perkhidmatan (jika ada) yang dinyatakan dalam Pesanan

'SPESIFIKASI' termasuk sebarang pelan, lukisan, reka bentuk, data atau maklumat lain yang berkaitan dengan Barang atau Perkhidmatan

'BERTULIS' termasuk tetapi tidak terhad kepada penghantaran faksimili, e-mel dan kaedah komunikasi yang setara.

1.2 Sebarang rujukan dalam Syarat ini kepada undang-undang, peraturan atau keperluan undang-undang harus dianggap sebagai rujukan kepada undang-undang, peraturan atau keperluan undang-undang itu seperti yang dipinda, digubal semula atau dilanjutkan pada masa yang berkenaan.

1.3 Tajuk dalam Syarat ini bertujuan untuk memudahkan sahaja dan tidak harus menjejaskan tafsiran.

## 2. Asas Pembelian

2.1 Pesanan yang membentuk tawaran oleh Pembeli untuk membeli Barang tersebut dan/atau mendapatkan Perkhidmatan daripada Penjual adalah tertakluk pada Syarat ini.

2.2 Syarat ini hendaklah diterima pakai untuk Kontrak dan dikecualikan dari sebarang terma atau syarat lain (1) yang melibatkan sebarang sebut harga telah diberikan kepada Pembeli oleh Penjual atau ejen atau pekerjanya atau (2) tertakluk pada Pesanan diterima atau dianggap telah diterima oleh Penjual, ejen atau pekerjanya.

2.3 Pesanan ini dianggap telah persetujui oleh Penjual secara tanpa syarat melainkan Penjual memaklumkan kepada Pembeli secara bertulis dalam masa 7 hari dari tarikh penerimaan Pesanan.

2.4 Tiada perubahan kepada Pesanan ini dibenarkan atau Syarat ini adalah sah melainkan telah dipersetujui secara bertulis antara wakil Pembeli dan Penjual yang sah.

## 3. Spesifikasi

3.1 Kuantiti, kualiti dan penerangan berkenaan Barang dan/atau Perkhidmatan adalah tertakluk kepada Syarat ini, (i) seperti yang dinyatakan dalam Pesanan, (ii) dibekalkan oleh Penjual mengikut Spesifikasi yang telah ditetapkan atau dibekalkan oleh Penjual mengikut Spesifikasi yang telah dipersetujui oleh Pembeli secara bertulis (iii) seperti yang telah dipersetujui oleh Pembeli secara bertulis selepas Pesanan dibuat, yang mana berkenaan.

3.2 Sebarang Spesifikasi yang dibekalkan oleh Pembeli kepada Penjual atau disediakan secara khusus oleh Penjual kepada Pembeli, berhubung dengan Kontrak tersebut, bersama dengan hak cipta, hak reka bentuk atau sebarang hak harta intelektual lain dalam Spesifikasi tersebut, haruslah menjadi hak milik eksklusif Pembeli. Penjual tidak harus mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga atau menggunakan sebarang spesifikasi seumpama itu kecuali setakat perkara itu sahaja atau menjadi pengetahuan umum bukan disebabkan oleh Penjual atau seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau bagi tujuan Kontrak tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, melainkan dipersetujui dengan jelas oleh Pembeli dan Penjual, sebarang dan semua kajian, analisis, bahan kreatif, laporan, ciptaan, penambahbaikan, dokumen dan sebarang produk kerja lain yang dijana oleh Penjual berhubung dengan penyediaan Perkhidmatan dan/atau Barang di bawah Kontrak tersebut dan semua hak harta intelektual yang ada (secara kolektif, "Hasil") harus menjadi hak milik eksklusif Pembeli. Atas permintaan Pembeli, Penjual akan memindahkan semua Hasil seumpama itu kepada Pembeli secara percuma.

3.3 Penjual harus mematuhi semua undang-undang, peraturan dan keperluan undang-undang yang berkenaan dengan pembuatan, pembungkusan, bungkusan dan penghantaran Barang dan/atau perlaksanaan Perkhidmatan.

3.4 Penjual tidak harus menolak secara tidak munasabah sebarang permintaan oleh Pembeli untuk memeriksa dan menguji Barang semasa pembuatan, pemprosesan atau penyimpanan di premis Penjual atau mana-mana pihak ketiga sebelum penghantaran dan Penjual harus menyediakan Pembeli dengan semua kemudahan yang diperlukan secara munasabah bagi pemeriksaan dan ujian.

3.5 Jika akibat daripada pemeriksaan atau ujian, Pembeli tidak berpuas hati bahawa Barang tersebut mematuhi semua perkara yang disebutkan dalam Kontrak dan Pembeli memaklumkan kepada Penjual dalam masa 7 hari selepas pemeriksaan atau ujian, Penjual harus mengambil langkah yang perlu untuk memastikan semua perkara yang disebutkan dalam Kontrak dipatuhi. Kegagalan Penjual untuk mematuhi akan memberi hak kepada Pembeli untuk menamatkan Kontrak tersebut.

3.6 Barang tersebut harus ditandakan mengikut arahan Pembeli dan sebarang peraturan atau keperluan pembawa yang berkenaan dan dibungkus dengan sempurna dan dilindungi agar sampai ke destinasi dalam keadaan baik.

## 4. Harga Barang dan Perkhidmatan

4.1 Harga Barang dan/atau Perkhidmatan harus dinyatakan dalam Pesanan dan, melainkan, dinyatakan sebaliknya, harus termasuk semua pembungkusan, penghantaran, pengangkutan, insurans dan penghantaran Barang tersebut ke Alamat Penghantaran dan sebarang duti, impos atau levi.

4.2 Tiada kenaikan Harga boleh dilakukan (sama ada atas sebab kenaikan kos bahan, buruh atau pengangkutan, turun naik kadar pertukaran atau sebaliknya) tanpa persetujuan awal Pembeli secara Bertulis.

## 5. Terma Bayaran

5.1 Penjual berhak untuk menghantar invois kepada Pembeli pada atau pada bila-bila masa selepas penghantaran Barang atau perlaksanaan Perkhidmatan, mengikut keadaan, dan nombor Pesanan harus dinyatakan bagi setiap invois.

5.2 5.2 Tempoh pembayaran akan dinyatakan didalam Pesanan hanya selepas (i) penerimaan invois oleh Pembeli atau (ii) penerimaan Barang atau Perkhidmatan yang berkenaan oleh Pembeli mengikut Fasal 6.6.

5.3 Pembeli berhak untuk menolak sebarang Harga, sebarang jumlah dimana Penjual berhutang kepada Pembeli.

## 6. Penghantaran

6.1 Barang harus dihantar kepada dan Perkhidmatan harus dilaksanakan di Alamat Penghantaran pada tarikh atau dalam tempoh yang dinyatakan pada Pesanan, dalam mana-mana keadaan, semasa waktu perniagaan Pembeli.

6.2 Tarikh penghantaran Barang atau perlaksanaan Perkhidmatan boleh ditentukan selepas Pesanan dibuat, dimana Pembeli memberi Penjual notis ketarangan yang munasabah terhadap tarikh yang dinyatakan.

6.3 Masa penghantaran Barang dan perlaksanaan Perkhidmatan adalah penting dan kegagalan Penjual untuk mematuhi masa penghantaran yang ditetapkan akan dianggap sebagai pelanggaran Kontrak di bawah Fasal 9.2.5 dan Fasal 6.9 dan sebarang peruntukan lain, akan menjadi asas bagi menamatkan Kontrak serta merta oleh Pembeli.

6.4 Nombor Pesanan mestilah dipaparkan pada nota pembungkusan dan dilampirkan pada setiap penghantaran atau barang konsainan dengan jelas.

6.5 Jika Barang perlu dihantar atau Perkhidmatan perlu dilaksanakan secara beransur-ansur, Kontrak tersebut akan dianggap sebagai satu Kontrak dan bukan beberapa Kontrak.

6.6 Pembeli berhak untuk tidak menerima Barang yang dihantar tidak mengikut Kontrak dan tidak akan dianggap sebagai telah menerima Barang tersebut sehingga Pembeli mempunyai masa yang munasabah untuk memeriksa Barang tersebut jika terdapat sebarang kerosakan yang dapat dilihat dengan jelas disebabkan oleh penghantaran dan dalam apa jua keadaan, tidak lebih daripada 10 hari selepas tarikh penghantaran; walau bagaimanapun dengan syarat bahawa sebarang penerimaan oleh Pembeli tidak akan menjejaskan hak Pembeli atau mengurangi kewajipan Penjual di bawah peruntukan jaminan dan indemniti Fasal 8 berhubung dengan mana-mana kerosakan lain (terpendam atau sebaliknya).

6.7 Penjual harus memberikan kepada Pembeli sebarang arahan atau maklumat lain yang diperlukan untuk membolehkan Pembeli menerima penghantaran Barang dan Perkhidmatan yang telah dilaksanakan pada masa tersebut atau sejurus selepas itu (tetapi tidak lebih 7 hari daripada tarikh penghantaran dalam apa jua keadaan).

6.8 Pembeli tidak berhak untuk memulangkan kepada Penjual sebarang bungkusan atau bahan bungkusan Barangan, sama ada Barang tersebut telah diterima oleh Pembeli atau pun tidak.

6.9 Jika kuantiti yang dihantar kurang daripada kuantiti Barang yang dinyatakan dalam Pesanan tersebut atau kuantiti yang dipersetujui, selain remedi lain yang tersedia di bawah Fasal 6.3 dan 6.9, Pembeli berhak untuk meminta penghantaran segera kuantiti Barang yang tertunggak atau sebahagian daripadanya dan/atau menolak penghantaran pada masa akan datang bagi Barang yang tertunggak atau sebahagian daripadanya dan mengurangkan Harga dengan sewajarnya bagi sebarang kuantiti tertunggak yang ditolak. Jika kuantiti yang dihantar lebih daripada kuantiti Barang yang dinyatakan dalam Pesanan atau kuantiti yang dipersetujui, Pembeli berhak untuk (1) menolak lebihan bekalan dan mengenakan caj kepada Penjual, termasuk dengan menolak terus bayaran Harga tersebut, kos penyimpanan, pengendalian dan penghantaran semula kepada Penjual dan/atau (2) menerima lebihan bekalan itu atau sebarang bahagian daripadanya dan membayar bahagian Harga yang sama dengan lebihan bekalan selari dengan kuantiti Barang yang ditempah atau dipersetujui. Pembeli tidak berhak untuk memulangkan sebarang lebihan bekalan tersebut dan jika Pembeli tidak mengambil semula lebihan bekalan tersebut dalam masa 10 hari daripada pemberitahuan oleh Pembeli, Pembeli dengan ini menganggap bahawa lebihan bekalan tersebut telah dilupuskan oleh Penjual dengan sendirinya atau menyimpan Barang itu atas tanggungan Penjual dengan hak untuk menganggap Barang itu sebagai dilupuskan pada bila-bila masa selepas memberi notis kepada Penjual.

## 7. Risiko dan Hak milik

7.1 Bagi Pesanan yang mengandungi INCOTERMS, Kontrak tersebut ditadbir berasaskan INCOTERMS 2010. Jika Pesanan tersebut tidak mengandungi INCOTERM, maka fasal 7.2 di bawah harus diterima pakai melainkan dinyatakan sebaliknya dengan jelas.

7.2 Risiko kerosakan atau kehilangan Barang (tidak termasuk sebarang kerosakan atau kehilangan yang disebabkan oleh sebarang kerosakan pada Barang yang berlaku sebelum penghantaran dilengkapkan) harus dipindahkan kepada Pembeli dengan penerimaan Barang oleh Pembeli mengikut Kontrak.

7.3 Hak milik Barang tersebut akan berpindah milik kepada Pembeli apabila Barang disediakan kepada Pembeli atau berada di tempat penghantaran Penjual, melainkan bayaran untuk Barang tersebut dibuat sebelum penghantaran, yang mana hak milik Barang itu akan berpindah kepada Pembeli apabila bayaran dibuat.

## 8. Jaminan dan Liabiliti

8.1 Penjual memberi jaminan kepada Pembeli bahawa Barang tersebut, bagi tempoh 12 bulan dari tarikh penghantaran melainkan tempoh yang lebih lama dinyatakan dalam Pesanan tersebut atau ditawarkan oleh Penjual (yang mana lebih lama), bahawa Barang yang dihantar mengikut Kontrak:

8.1.1 Akan mempunyai kualiti yang memuaskan dan sesuai untuk sebarang tujuan yang ditetapkan oleh Penjual atau dimaklumkan kepada Penjual, pada waktu Pesanan dibuat;

8.1.2 Akan bebas daripada kerosakan dari segi reka bentuk, bahan dan mutu kerja;

8.1.3 Akan sepadan dengan sebarang Spesifikasi atau sampel; dan

8.1.4 Akan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan keperluan undang-undang berhubung dengan pembuatan, pengeluaran, pengangkutan, penjualan dan/atau promosi Barang tersebut.

8.2 Penjual memberi jaminan kepada Pembeli bahawa Perkhidmatan tersebut akan dilakukan oleh kakitangan yang bertauliah dan terlatih secara wajar, dengan teliti dan berhati-hati dan mengikut standard kualiti yang tinggi yang wajar, yang diharapkan oleh Pembeli dalam semua keadaan, dengan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan keperluan undang-undang yang berkenaan dan jika Perkhidmatan tersebut dilakukan di premis pembeli, Penjual harus (i) membawa insurans dalam jumlah yang mencukupi meliputi sebarang kerosakan atau kerugian yang ditanggung oleh Pembeli, harta atau pekerjanya atau kepada pekerja atau ejen Penjual sendiri berhubung dengan perlaksanaan Perkhidmatan tersebut (ii) mematuhi dasar dan peraturan kesihatan, keselamatan dan persekitaran Pembeli, yang akan disediakan oleh Penjual dan (iii) berhati-hati untuk memastikan bahawa pekerja atau ejen Penjual merahsiakan sebarang maklumat yang didedahkan atau disediakan atau untuk perhatian oleh (sama ada secara lisan, bertulis atau dalam apa jua cara lain) pekerja atau ejen tersebut semasa berada di premis Pembeli.

8.3 Tanpa prejudis kepada sebarang remedi lain, jika sebarang Barang atau Perkhidmatan tidak dibekalkan atau dilaksanakan mengikut Kontrak, maka Pembeli berhak:

8.3.1 Untuk mengkehendaki Penjual membaiki Barang atau membekalkan Barang atau Perkhidmatan ganti mengikut Kontrak dalam masa 7 hari; atau

8.3.2 Atas pilihan penuh Pembeli, dan sama ada Pembeli memerlukan Penjual untuk membaiki Barang atau membekalkan sebarang Barang atau Perkhidmatan ganti sebelum ini atau tidak, untuk menganggap Kontrak sebagai ditamatkan kerana pelanggaran oleh Penjual itu dan (1) memerlukan pembayaran balik sebarang bahagian Harga itu yang telah dibayar atau (2) Barang dan/atau Perkhidmatan yang rosak itu diganti, dibaiki dan/atau dibetulkan oleh pihak ketiga, yang Pembeli berhak untuk meminta Penjual membayar kos tersebut termasuk melalui tolak terus terhadap bayaran sebarang bahagian Harga yang belum dibayar.

8.4 Penjual akan membayar kepada Pembeli ganti rugi penuh terhadap semua liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk perbelanjaan guaman) yang dikenakan atau ditanggung atau dibayar oleh Pembeli akibat atau berhubung dengan:

8.4.1 Pelanggaran sebarang jaminan yang diberikan oleh Penjual berhubung dengan Barang atau Perkhidmatan;

8.4.2 Sebarang dakwaan bahawa Barang atau Perkhidmatan itu melanggar, atau pengimportan, penggunaan atau penjualan semula, melanggar paten, hak cipta, hak reka bentuk, tanda dagangan atau hak harta intelektual orang lain, kecuali dakwaan tersebut timbul secara langsung daripada pematuhan dengan sebarang Spesifikasi yang dibekalkan oleh Pembeli;

8.4.3 Sebarang liabiliti di bawah sebarang undang-undang atau peraturan perlindungan pengguna adalah berhubung dengan Barang atau Perkhidmatan;

8.4.4 Sebarang tindakan atau pengabaian oleh Penjual atau pekerja, ejen atau sub kontraktornya dalam membekalkan, menghantar dan memasang Barang tersebut; dan

8.4.5 Sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana kakitangan Penjual berhubung dengan perlaksanaan Perkhidmatan tersebut.

8.5 Penjual mahupun Pembeli tidak akan bertanggungjawab kepada pihak yang lain atau dianggap melanggar Kontrak atas sebab sebarang kelewatan dalam melaksanakan atau sebarang kegagalan untuk melaksanakan sebarang kewajipannya berhubung dengan Barang atau Perkhidmatan, jika kelewatan atau kegagalan itu di luar kawalan yang munasabah pihak tersebut. Tanpa prejudis kepada keluasan makna yang disebut di atas, yang berikut akan dianggap sebagai punca di luar kawalan munasabah mana-mana pihak:

8.5.1 Bencana alam, letupan, banjir, ribut kencang, kebakaran atau kemalangan;

8.5.2 Peperangan atau ancaman perang, sabotaj, pemberontakan, gangguan sivil atau tuntutan;

8.5.3 Peraturan import atau eksport atau embargo;

8.5.4 Mogok, sekat masuk atau tindakan lain industri atau pertikaian perdagangan (sama ada melibatkan pekerja atau Penjual atau Pembeli atau pihak ketiga);

Walau bagaimanapun, kerosakan atau kegagalan mekanikal dalam bekalan utiliti tidak harus dianggap sebagai punca di luar kawalan munasabah mana-mana pihak.

## 9. Penamatan

9.1 Pembeli berhak untuk membatalkan sebarang Pesanan berhubung dengan semua atau sebahagian sahaja daripada Barang dan/atau Perkhidmatan tersebut dengan memberi notis kepada Penjual pada bila-bila masa sebelum penghantaran atau perlaksanaan, yang mana liabiliti penuh Pembeli adalah untuk membayar Penjual sebarang kos sebenar yang ditanggung setakat ini oleh Penjual disebabkan oleh Pesanan Pembeli itu; walau bagaimanapun, dengan syarat bahawa kos itu telah didokumenkan dengan sempurna secara bertulis melalui resit pembayaran atau seperti kehendak Pembeli secara munasabah.

9.2 Pembeli berhak untuk menamatkan Kontrak tanpa liabiliti kepada Penjual dengan memberikan notis kepada Penjual pada bila-bila masa jika:

9.2.1 Penjual membuat sebarang pengaturan secara sukarela dengan kreditornya atau menjadi bankrap atau tertakluk pada perintah pentadbiran atau melaksanakan pembubaran (selain bagi tujuan penggabungan atau pembinaan semula); atau

9.2.2 Seorang penerima dilantik bagi sebarang harta atau aset Penjual; atau

9.2.3 Penjual menghentikan atau mengancam untuk menghentikan, untuk menjalankan perniagaan; atau

9.2.4 Pembeli secara munasabah mempercayai bahawa sebarang perkara yang disebutkan di atas bakal berlaku berhubung dengan Penjual itu dan memaklumkan Penjual itu secara wajar.

9.2.5 Jika Penjual melakukan pelanggaran penting ke atas mana-mana peruntukan Kontrak, termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan kewajipan Antirasuah yang disediakan dalam Fasal 10 Kontrak.

## 10. Kewajipan antirasuah

10.1 Penjual mengaku dan menjamin bahawa Penjual serta kontraktor, pekerja, ejen dan wakil pihak ketiganya mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan negara kediamannya yang diterima pakai berhubung dengan perlaksanaan Penjual di bawah Kontrak ini serta undang-undang dan peraturan mana-mana negara atau bidang kuasa lain berhubung dengan antirasuah dan antisogokan yang berkenaan dengan transaksi yang dibayangkan di sini (termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat ("FCPA") atau Akta Rasuah United Kingdom 2010) dan akan kekal mematuhi semua undang-undang seumpama itu bagi terma Kontrak ini. Semua hadiah dan keraian yang munasabah dan sesuai yang diberikan oleh Penjual harus selari dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan diisytiharkan oleh Penjual kepada pihak berkuasa.

10.2 Penjual belum dan tidak akan membayar, menawar, menjanjikan atau membenarkan sebarang bayaran atau kelebihan lain, sama ada secara langsung atau melalui orang tengah, kepada penjawat awam atau rakan niaga (individu, institusi, organisasi komersial atau bukan untung dll.) untuk memperoleh, mengekalkan atau mengarahkan perniagaan secara tidak wajar atau untuk mendapatkan kelebihan lain yang tidak wajar semasa melaksanakan perniagaan berhubung dengan perlaksanaan Kontrak ini.

## 11. Umum

11.1 Pembeli adalah seorang ahli kumpulan syarikat yang mana syarikat pegangannya ialah Syngenta AG dan Pembeli boleh melaksanakan sebarang kewajipannya atau melaksanakan sebarang haknya di bawah ini secara sendiri atau melalui mana-mana ahli lain kumpulannya, dengan syarat sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana ahli lain seumpama itu harus dianggap sebagai tindakan atau pengabaian oleh Pembeli.

11.2 Kontrak adalah peribadi kepada Penjual dan Penjual tidak akan menugaskan atau memindahkan atau bertujuan untuk menugaskan atau memindahkan kepada sesiapa sebarang haknya atau sub kontrak sebarang kewajipannya di bawah Kontrak tanpa kebenaran bertulis awal Pembeli.

11.3 Sebarang notis yang diperlukan atau dibenarkan untuk diberikan oleh mana-mana pihak kepada pihak lain di bawah Kontrak ini haruslah secara Bertulis yang ditujukan kepada pihak lain itu di pejabat berdaftarnya atau tempat perniagaan utamanya atau alamat lain seumpama itu pada masa yang berkenaan telah dimaklumkan mengikut peruntukan ini kepada pihak yang memberi notis itu.

11.4 Penjual harus (i) merahsiakan sebarang maklumat yang disediakan oleh atau bagi pihak Pembeli (sama ada secara lisan atau bertulis) berhubung dengan Kontrak ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang Spesifikasi yang disediakan oleh atau bagi pihak Pembeli, (ii) sebarang Spesifikasi yang disediakan secara khusus oleh Penjual mengikut keperluan Pembeli, (iii) mendedahkan maklumat itu hanya kepada pekerja atau ejen Penjual yang memerlukan maklumat itu untuk melaksanakan kewajipan Penjual di bawah Kontrak, dan (iv) berhati-hati dan mengambil langkah yang sesuai agar memastikan maklumat itu dikendalikan secara rahsia oleh pekerja atau ejen Penjual. Fasal 11.4 ini akan dapat bertahan penamatan Kontrak selama 5 tahun dan sebarang pelanggaran Fasal ini harus dianggap sebagai pelanggaran penting Kontrak ini di bawah Fasal 9.2.5.

11.5 Tiada pengecualian oleh Pembeli bagi sebarang pelanggaran Kontrak oleh Penjual harus dianggap sebagai penepian mana-mana pelanggaran selanjutnya oleh peruntukan yang sama atau sebarang peruntukan lain.

11.6 Jika terdapat sebarang peruntukan Kontrak yang didapati oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten sebagai tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan secara keseluruhan atau sebahagian, kesahihan peruntukan lain Syarat ini dan baki peruntukan yang berkenaan tidak akan terjejas.

11.7 Kontrak ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan tertakluk pada bidang kuasa mahkamah Malaysia.

11.8 Kontrak ini menjadi perjanjian yang lengkap dan muktamad antara pihak-pihak tersebut dan sebarang perjanjian, pemahaman atau perbincangan sebelum ini antara pihak-pihak tersebut (sama ada secara lisan atau bertulis) harus diganti oleh Kontrak ini.

***Dikemas kini pada 4hb April 2018***